

Praktis Topikal

Bahagian A Soalan Objektif

4.1 Pemerintahan Kesultanan Melayu Di Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor

- 1 Sistem perundangan yang diamalkan di Perlis adalah berdasarkan Undang-undang Kesultanan Kedah sebagai rujukan. Bagaimanakah undang-undang tersebut dilaksanakan?
- A Memberi hak kutip cukai kepada pembesar
B Berdasarkan adat dan hukum tempatan
C Menitikberatkan kebajikan penduduk
D Permintaan penduduk tempatan
- 2 Apakah tugas pembesar di peringkat kampung dalam tradisi Kesultanan Melayu?
- I Memungut cukai
II Mebekalkan tenaga tentera
III Melaksanakan perintah sultan
IV Menguruskan hubungan diplomatik
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 3 Bagaimanakah Sultan Kelantan, iaitu Sultan Muhammad I mengelakkan daripada ancaman Terengganu ke atas negerinya?
- A Mendapatkan bantuan British
B Membuat persetiaan dengan Siam
C Mengadakan kerjasama dengan Bugis
D Membuat perjanjian sempadan dengan Terengganu
- 4 Berapakah bilangan jajahan yang terdapat di Kelantan?
- A 9
B 10
C 11
D 12
- 5 Apakah peranan Tok Kweng dalam Kesultanan Kelantan?
- A Menyambut orang kenamaan
B Membantu pemerintahan sultan
C Menyerahkan sebahagian hasil cukai kepada kerajaan
D Perantara antara penduduk kampung dengan pembesar

- 6 Maklumat berikut merujuk kepada gelaran bagi seorang pembesar dalam Kesultanan Terengganu.

Dato' Mata-mata

Apakah tugas pembesar tersebut?

- A Mentadbir negeri
B Menyediakan kerahan tenaga
C Menyambut kedatangan pelawat
D Mengutip cukai di kawasan pegangan

- 7 Pernyataan berikut merujuk kepada tindakan yang diambil oleh pemerintah Johor dalam mengadakan hubungan luar.

Maharaja Abu Bakar menjalin hubungan dengan negeri-negeri Melayu serta mengadakan lawatan ke negara luar seperti Eropah dan Jepun

Apakah kesan daripada penjalinan hubungan luar tersebut kepada Kesultanan Johor?

- A Pengiktirafan negeri
B Penerimaan naungan luar
C Kerjasama dalam perdagangan
D Mendapat bantuan ketenteraan

4.2 Peluasan Kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu

- 8 Antara faktor yang berikut, yang manakah merupakan pemangkin peluasan kuasa British di negeri-negeri Melayu Utara?
- I Kemajuan perusahaan getah
II Revolusi Perindustrian
III Kedudukan strategik
IV Beban Orang Putih
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan negeri-negeri Melayu Utara.

- Kedah
- Perlis

Mengapakah British memerlukan kedua-dua buah negeri tersebut?

- A Keperluan pasaran
B Sumber bekalan makanan
C Kemajuan aktiviti pembuatan
D Kemajuan pelabuhan perdagangan

10 Apakah taktik yang digunakan oleh British untuk mengambil negeri-negeri Melayu Utara berikut?

MS Tekst 92

- Perlis
- Kedah
- Kelantan
- Terengganu

- A Serangan fizikal
- B Manipulasi
- C Perjanjian
- D Pajakan

11 Maklumat berikut berkaitan dengan perjanjian yang ditandatangani antara British dengan Siam.

MS Tekst 92

Pengisytiharan British-Siam 1902

Apakah intipati perjanjian tersebut?

- A Penetapan sempadan
- B Mengakui ketuanan Siam
- C Penyerahan negeri kepada British
- D Pengawasan hubungan luar oleh Siam

12 Apakah kesan daripada Perjanjian Bangkok yang ditandatangani pada 1909?

MS Tekst 93

- A Negeri-negeri Melayu merdeka
- B Pengukuhan kuasa oleh Siam
- C Pelantikan Penasihat British
- D Kutipan cukai dihapuskan

4.3 Peluasan Kuasa British di Johor

13 Mengapakah British menghadapi kesukaran dalam meluaskan pengaruh mereka ke atas negeri Johor?

MS Tekst 94

- A Ancaman Bugis
- B Pengaruh Belanda
- C Kebijaksanaan pemerintah
- D Kemasukan kuasa asing lain

14 Pernyataan berikut merujuk kepada faktor kemajuan negeri Johor.

MS Tekst 94

- Pemodenan pentadbiran
- Perkembangan ekonomi komersial

Apakah implikasi faktor kejayaan tersebut?

- A Persaingan kuasa Barat untuk menguasai Johor
- B Melambatkan campur tangan British
- C Dapat mengekalkan kemerdekaan
- D Memajukan pelabuhan

15 Bagaimanakah British berusaha untuk menguasai Johor?

MS Tekst 95

- I Desakan dan ugutan
- II Serangan fizikal
- III Manipulasi
- IV Perjanjian
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Mengapakah British gagal memanipulasikan kedudukan kewangan negeri Johor dengan menawarkan pinjaman kepada Johor?

MS Tekst 95

- A Ibu pejabat di London tidak meluluskan pinjaman
- B Pinjaman dibuat daripada negara lain
- C Perbendaharaan negara mencukupi
- D Tawaran pinjaman tidak diterima

4.4 Sistem Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

17 Apakah persamaan antara Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang berikut?

MS Tekst 96

- Perlis
- Kedah
- Kelantan
- Terengganu
- Johor

- I Raja-raja tidak bebas
- II Menerima Residen British
- III Pentadbiran bersifat longgar
- IV Menerima Penasihat Am British
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran di negeri Johor.

MS Tekst 98

- Majlis Mesyuarat Negeri
- Majlis Mesyuarat Menteri

Apakah peranan kedua-dua majlis tersebut?

- A Membantu menjalankan pentadbiran
- B Mengawal hubungan luar negeri
- C Menggubal undang-undang
- D Menjaga kewangan negeri

19 Bagaimanakah perkembangan pentadbiran di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu setelah campur tangan British?

MS Teks
100 - 101

- I Pengekalan kedudukan sultan
 - II Bilangan pegawai Eropah ditambah
 - III Jawatan pembesar Melayu dilucutkan
 - IV Penerusan sistem pentadbiran tradisional
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

20 Bagaimanakah kedudukan pembesar di bawah pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?

MS Teks
100

- A Diberikan pencen dan elaun
- B Bidang tugas kerja ditingkatkan
- C Menjadi penasihat kepada sultan
- D Dianugerahkan kawasan pegangan

21 Apakah ciri-ciri pengenalan sistem birokrasi Barat di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?

MS Teks
101

- I Penubuhan pasukan polis
- II Mahkamah sivil diadakan
- III Pelantikan Residen British
- IV Penubuhan kerajaan pusat

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

22 Gambar berikut menunjukkan tokoh penting di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

MS Teks
100

KBAT



Datuk Wan Muhammad Saman, Menteri Besar Kedah yang pertama (1870 - 1898)

Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada kepimpinan tokoh di atas?

- A Bermuafakat dalam pentadbiran
- B Bijak menyelesaikan masalah negeri
- C Bersifat terbuka menerima perubahan
- D Mempertahankan maruah dan waris bangsa